

24 MAY 2000

Hishammuddin-Sultan

SULTAN JOHOR DALAM KEADAAN SIHAT, KATA HISHAMMUDDIN

JOHOR BAHRU, 24 Mei (Bernama) -- Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata Sultan Johor, yang menerima rawatan di Puteri Specialist Hospital lebih seminggu lepas, berada dalam keadaan sihat dan penuh bertenaga.

Oleh itu, khabar-khabar angin yang mengatakan bahawa baginda sakit kuat adalah tidak benar, katanya kepada pemberita selepas melawat Sultan Johor di sini, hari ini.

Menurutnya, beliau telah berbual mesra dengan baginda Sultan kira-kira 90 minit.

Hishammuddin berkata berdasarkan kepada keadaan kesihatan baginda yang cukup bertenaga itu, beliau menjangkakan baginda akan dibenarkan pulang tidak lama lagi.

"Sultan Johor sihat dan penuh bertenaga," kata beliau.

Ketika melawat, Hishammuddin ditemani isterinya, Tengku Marsilla Tengku Abdullah dan Tunku Bendahara Johor.

Menurutnya, khabar angin mengenai keadaan kesihatan Sultan Johor kononnya baginda sakit kuat telah tersebar di internet sejak petang semalam hingga menyebabkan orang ramai menelefon pejabat-pejabat kerajaan dan media massa untuk mendapat pengesahan.

"Itulah sebab saya datang ke sini untuk melihat sendiri keadaan Sultan Johor dan untuk memberitahu perkara yang sebenar. Apa jua khabar angin mengenai kesihatan Sultan Johor adalah tidak benar," kata beliau.

Sabtu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah melawat baginda manakala Isnin lepas, baginda menerima kunjungan Sultan Brunei.

-- BERNAMA

MKO zb